

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Mata pelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan adalah merupakan mata pelajaran wajib sama ada di peringkat sekolah rendah atau di peringkat sekolah menengah. Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan - Peraturan Pendidikan (kurikulum kebangsaan) 1997, “ mata pelajaran wajib” ertinya mata pelajaran yang mesti dipelajari oleh semua murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan (*Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2003*).

Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), matlamat pendidikan negara ialah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu serta melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (*Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999*). Unsur-unsur falsafah seperti unsur jasmani dimasukkan ke dalam matlamat pendidikan negara, ciri-ciri seperti kecergasan fizikal dan kesihatan diri membolehkan pelajar berdikari dan hidup secara bermasyarakat. Justeru itu matlamat tersebut kebanyakannya boleh dicapai melalui mata pelajaran pendidikan jasmani.

KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) mula dilaksanakan di semua sekolah menengah pada tahun 1989. Ianya dibentuk berlandaskan Laporan

Jawatankuasa Kabinet 1979 mengikut perakuan-perakuan seperti perakuan 58, 61 dan 62. Mata pelajaran KBSM dan aktiviti-aktiviti ko kurikulum digolongkan sebagai satu rancangan yang bersepadu dan menyeluruh untuk memberi peluang kepada pelajar memperkembangkan potensi mereka secara harmonis dan seimbang. Oleh itu, kandungan KBSM diolah melalui tiga bidang utama, iaitu :-

- i. Bidang Komunikasi yang merangkumi mata pelajaran bahasa dan matematik
- ii. Bidang Manusia dan Alam Sekeliling yang merangkumi mata pelajaran agama, moral, sains dan kemasyarakatan.
- iii. Bidang Perkembangan Diri yang merangkumi mata pelajaran pendidikan seni, pendidikan jasmani dan aktiviti-aktiviti ko kurikulum.

(Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani KBSM, KPM, 1999 : 1-2)

Pendidikan Jasmani bertujuan membantu murid menjadi cergas melalui pembelajaran aktiviti fizikal dan amalan kecergasan. Di antara objektif-objektif pendidikan jasmani termasuklah :-

- i. Mempertingkatkan dan mengekalkan kecergasan berasaskan kesihatan dan perlakuan motor
- ii. Menguasai kemahiran asas pergerakan dan permainan mengikut kemampuan diri
- iii. Melakukan senaman dan aktiviti fizikal sebagai rutin harian

- iv. Mengaplikasikan pengetahuan kesihatan dan keselamatan semasa menyertai pelbagai kegiatan fizikal
- v. Membentuk sahsiah dan disiplin diri
- vi. Membuat keputusan bijak dalam kehidupan.

(Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani KBSM, KPM, 1999 : 1-2)

Program pendidikan jasmani di sekolah merupakan salah satu cara bagi pelajar untuk melakukan aktiviti fizikal serta menggalakkan pengamalan gaya hidup aktif dan sihat kerana ia melibatkan semua pelajar dari tahun satu hingga tingkatan lima. Namun kini, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan jasmani semakin terabai dan amat jarang dipraktikkan di sekolah, terutamanya di peringkat sekolah menengah sehingga menimbulkan isu-isu dan masalah dalam pelaksanaannya.

1.2 Pernyataan Masalah

Matlamat Pendidikan Jasmani adalah berkaitan dengan peningkatan kecergasan fizikal melalui pembelajaran aktiviti fizikal dan amalan kecergasan (*Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999*). Semua sekolah dikehendaki merancang dan melaksanakan aktiviti yang dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan pelajar selaras dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan jasmani dan pendidikan kesihatan (*Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000*). Kini matlamat tersebut tidak lagi menjadi panduan dalam pengajaran dan

pembelajaran mata pelajaran pendidikan jasmani. Ini adalah kerana didapati pelajar-pelajar di peringkat sekolah lebih digalakkan mengambil bahagian dalam sukan individu, berpasukan dan kegiatan lain dalam masa setahun (*Yusof Ismail, 1992*). Bagi memastikan prestasi pelajar-pelajar tersebut berjaya, maka terpaksa diabaikan matlamat pendidikan jasmani, para pelajar tersebut dikehendaki menjalankan latihan intensif pada masa pendidikan jasmani dan kesihatan. Dalam hal yang demikian, konsep dan prinsip penting yang terkandung dalam setiap kegiatan pendidikan jasmani tidak dapat dipelajari oleh pelajar.

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah satu mata pelajaran yang diwajibkan. Waktu yang diperuntukkan bagi mata pelajaran ini tidak boleh digunakan bagi mengajar mata pelajaran lain (*Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998*) dan waktunya juga bagi sesebuah kelas tidak boleh dicantumkan (*Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979*).

Pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani amat membimbangkan di negeri Kelantan, kerana kebanyakan guru yang mengajar pendidikan jasmani adalah dari bidang yang lain. Jadi, kerap kali mereka menggunakan masa pendidikan jasmani untuk mengajar subjek opsyennya, semata-mata untuk menghabiskan sukatan pelajaran terutama bagi kelas peperiksaan. Bagi menyenangkan pihak pengurusan akademik serta menjimatkan masa pembelajaran, waktu pendidikan jasmani dicantumkan, begitu juga dengan percantuman kelas yang mana telah menimbulkan masalah pelajar terlalu ramai hingga mencecah 40 hingga 50 orang satu kelas.

Ketidakpuasan hati masyarakat terhadap dasar dan program pendidikan jasmani pernah suatu ketika dipaparkan di dalam media tempatan. Yusof Ismail (1992) menyatakan para pendidik dalam mata pelajaran pendidikan jasmani juga turut terlibat dalam isu tersebut. Salleh Rashid (1994) pula telah melaporkan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah seperti berikut :-

“Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani adalah menekankan kepada kecergasan, dan ia biasanya diberikan oleh guru, tidak dilatih dalam Pendidikan Jasmani, terutama di sekolah rendah dan menengah rendah. Guru digelar guru `kawalan jauh`, di mana guru membekalkan sebiji bola. duduk dekat dengan pokok atau berada di dalam bilik guru Pada akhir pelajaran, guru meniup wisel dan murid kembali ke kelas ”.

Hasil dari laporan Penyelia Pendidikan Jasmani, Jabatan Pendidikan Negeri Perak (2001), di sekolah-sekolah menengah negeri Perak, juga mendapati :

- i. Pengurusan peralatan Pendidikan Jasmani adalah tidak sempurna
- ii. Fail-fail Panitia Pendidikan Jasmani tidak lengkap kandungannya
- iii. Berlaku penurunan minat pelajar perempuan tingkatan tiga, empat dan lima dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani
- iv. Guru-guru kurang pengetahuan, kurang kemahiran menguasai isi pelajaran dan tidak mendapat pendedahan yang mantap serta kurang bahan rujukan.

- v. Ada sebilangan kecil sekolah yang menggunakan waktu mata pelajaran Pendidikan Jasmani untuk mengajar mata pelajaran lain.

Begitu juga dengan laporan dari Jemaah Nazir, Institut Pendidikan pada tahun 1996. Menurut laporan tersebut, ramai guru pendidikan jasmani kurang prihatin kepada pengajaran dan pembelajarannya. Guru hanya menekankan kemahiran permainan dan sukan sahaja. Kaedah latih tubi digunakan berdasarkan tunjukcara oleh guru. Guru tidak memperuntukkan masa yang cukup bagi pelajar untuk mempelajari sesuatu kemahiran. Justeru itu, pembelajaran sesuatu kemahiran tersebut menjadi kurang berkesan.

Dari aspek keperihatinan juga, didapati proses pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani di sekolah kurang mendapat perhatian daripada pihak pentadbir, guru dan murid-murid (*Sheikh Kamarudin, 1994; Salleh Rashid, 1994 ; Wee Eng Hoe, 1995 ; Zainun Ishak, 1995*). Keberkesanan sesebuah sekolah ialah mempunyai pertalian dengan apa yang berlaku di dalam sekolah itu sendiri. Pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti juga bergantung kepada peranan pengetua yang dianggap sebagai penentu atau pembuat keputusan di sesebuah sekolah.

Kegiatan sukan seharusnya dilihat sebagai sama pentingnya dengan bidang-bidang pendidikan yang lain. Namun demikian, masih lagi terdapat keadaan di mana kegiatan sukan tidak disertai oleh sebilangan ramai pelajar dan hal ini tidak pula cuba

diatasi atau diberikan penekanan oleh pihak pentadbir sekolah (*Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989*).

Isu ahli panitia paling ramai di sekolah mula timbul dalam mata pelajaran pendidikan jasmani. Kini, kebanyakan sekolah menengah mempunyai jumlah guru yang mengajar subjek pendidikan jasmani yang paling ramai hingga mencecah 30 orang guru setiap sekolah dengan pelbagai opsiyen. Masalah ini wujud kerana setiap guru diagihkan hanya dua hingga empat waktu setiap orang untuk mengimbangi jumlah waktu mengajar seminggu. Jadi, ia melibatkan ramai guru pendidikan jasmani, sehinggakan guru yang bertauliah dan opsiyen pendidikan jasmani hanya mengajar lapan hingga 10 waktu sahaja, sedangkan mengikut pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia, guru-guru pendidikan jasmani khas dan bertauliah hendaklah diberi sekurang-kurangkan 14 waktu pengajaran dalam seminggu (*Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979*).

Daripada pernyataan-pernyataan di atas jelas menunjukkan bahawa pada masa ini telah berlaku banyak masalah dalam melaksanakan program pendidikan jasmani. Walaupun masalah ini berlaku, didapati pelaksanaan mata pelajaran ini tetap dijalankan di semua sekolah menengah sehingga ke hari ini. Dalam pada itu juga pihak kerajaan setiap tahun memperuntukkan wang bagi membantu melaksanakan program tersebut. Pelbagai kursus yang berkaitan dengan kurikulum pendidikan jasmani dianjurkan. Seterusnya pihak sekolah terpaksa memperuntukkan ruang waktu bagi mata pelajaran pendidikan jasmani, namun adakah hasil daripada

pelaksanaan tersebut menunjukkan keberkesanannya? Oleh yang demikian, bagi menjawab persoalan ini, maka adalah wajar satu kajian perlu dijalankan untuk mengetahui keberkesanan pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani tingkatan empat di negeri Kelantan.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah cuba menjawab beberapa soalan berikut :

- i. Adakah pelaksanaan kurikulum (KBSM) pendidikan jasmani sekolah menengah tingkatan empat mencapai matlamat dan objektif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan?
- ii. Apakah strategi dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru pendidikan jasmani sekolah menengah tingkatan empat dalam melaksanakan kurikulumnya?
- iii. Apakah masalah-masalah serta halangan yang dihadapi oleh guru pendidikan jasmani tingkatan empat dalam melaksanakan pengajarannya?
- iv. Apakah persepsi guru terhadap mata pelajaran pendidikan jasmani tingkatan empat?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti halangan–halangan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani tingkatan empat, di samping mengetahui strategi dan kaedah yang digunakan oleh guru pendidikan jasmani dalam melaksanakan kurikulumnya.

Kajian ini juga adalah bertujuan untuk menilai sejauh manakah pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani tingkatan empat di Kelantan mencapai matlamat dan objektifnya selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Di samping itu, kajian ini juga adalah bertujuan mendapatkan pandangan, persepsi serta maklum balas daripada guru-guru pendidikan jasmani tingkatan empat yang secara langsung akan dapat menilai kurikulum pendidikan jasmani sekarang.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat mengenalpasti masalah dan halangan dalam pelaksanaan kurikulum, strategi dan kaedah yang diamalkan oleh guru pendidikan jasmani dalam pengajarannya serta persepsi dan sikap guru terhadap mata pelajaran pendidikan jasmani. Maka, kita sebagai guru dapat memperbaiki segala kelemahan yang wujud bagi menjayakan program pendidikan jasmani. Masalah dan halangan

yang wujud dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani dapat sama-sama kita atasi. Strategi dan kaedah pengajaran boleh dipelbagaikan, manakala persepsi terhadap mata pelajaran ini boleh diperbetulkan.

Maklumat ini juga berguna untuk para pendidik, pentadbir sekolah, pentadbir daerah dan negeri, masyarakat serta pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sendiri menilai status, hala tuju, misi dan visi mata pelajaran ini sebagai “mata pelajaran wajib” yang diperkenalkan di sekolah menengah di Malaysia sejak 15 tahun yang lalu.

Pihak Kementerian Pelajaran juga dapat menilai keberkesanan mata pelajaran ini dalam KBSM sama ada selaras atau tidak dengan matlamat pendidikan negara serta menepati apa yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Seterusnya pihak Kementerian Pelajaran juga boleh mengambil tindakan untuk meningkatkan, mengemaskinikan, memurnikan lagi serta memartabatkan kurikulum pendidikan jasmani seperti mata-mata pelajaran yang lain.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan guru yang mengajar mata pelajaran pendidikan jasmani tingkatan empat di sekolah menengah sahaja. Ianya tidak mengambil kira persepsi pihak lain seperti pengetua, penolong kanan, pelajar dan ibu bapa terhadap pelaksanaan kurikulum tersebut. Manakala guru yang terlibat sebagai sampel kajian

terdiri daripada guru-guru dari 15 buah sekolah di tiga buah daerah di negeri Kelantan.

Dapatan kajian ini terbatas pada pelaksanaan kurikulum di sekolah-sekolah dan daerah di negeri Kelantan sahaja. Oleh itu ianya kurang sesuai digeneralisasikan untuk daerah dan negeri lain di Malaysia.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Guru Pendidikan Jasmani

Guru yang ditugaskan mengajar mata pelajaran pendidikan jasmani, berjawatan tetap dan mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya setahun.

1.7.2 Kurikulum

Merangkumi aktiviti pembelajaran sekolah termasuk susunan mata pelajaran, sukatan dan huraian sukatan pelajaran, bahan serta alat bantuan mengajar dan kegiatan luar bilik darjah yang berkaitan dengan pendidikan.

1.7.3 Kurikulum Pendidikan Jasmani

Merujuk kepada rancangan bagi mata pelajaran pendidikan jasmani sekolah menengah tingkatan empat seperti yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran PJK bagi sekolah menengah yang dikeluarkan pada tahun 1999.

1.7.4 Pelaksanaan Kurikulum

Kurikulum yang diguna pakai di sekolah, sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

1.7.5 Kursus Sijil / Diploma Perguruan Khas (KSPK / KDPK) PJK

Satu kursus dalam perkhidmatan bagi program Sijil atau Diploma yang dijalankan di Institut atau Maktab Perguruan Malaysia. Kursus ini memberi latihan tambahan kepada guru-guru terlatih yang mengajar di sekolah rendah dan menengah. Tempohnya selama satu tahun dan kursus ini mendedahkan peserta-peserta kursus dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan.